

Kesediaan Guru Sekolah Rendah Dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) (Primary School Teachers' Readiness in Applying Historical Thinking Skills)

Santhiah Sunthararaju^{1*}, Anuar Ahmad¹, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p118663@siswa.ukm.edu.my

Received: 30 December 2023 | Accepted: 25 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.15>

Abstrak: Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merupakan elemen penting dalam pembelajaran Pendidikan Sejarah yang membolehkan murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru. Namun, persoalannya, adakah guru-guru sejarah sekolah rendah di daerah Johor Bahru sedia dalam usaha menerapkan KPS. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar. Ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden secara dalam talian. Seramai 105 orang responden dipilih melalui persampelan yang terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran sejarah di sekolah rendah dalam daerah Johor Bahru. Hasil daripada analisis deskriptif melaporkan bahawa guru sejarah sekolah rendah mempunyai tahap pengetahuan yang sangat. Manakala, tahap kemahiran dan sikap guru adalah tinggi dalam menerapkan KPS. Secara keseluruhannya, dapatan kajian melaporkan guru-guru sejarah sekolah rendah di daerah Johor Bahru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah. Analisis chi square pula digunakan bagi mengkaji hubungan tahap kesediaan guru sejarah di sekolah rendah berdasarkan faktor pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar guru. Dapatan analisis inferensi melaporkan bahawa tahap kesediaan guru mempunyai hubungan signifikan dalam menerapkan KPS berdasarkan faktor pengkhususan subjek dan faktor pengalaman mengajar. Akhir kata, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada para guru Sejarah terutamanya dalam melengkapkan diri dengan memiliki tahap kesediaan yang mantap dalam melaksanakan KPS kepada murid-murid -agar objektif dan matlamat kurikulum Sejarah tercapai.

Kata Kunci: Kemahiran Pemikiran Sejarah, tahap kesediaan, jantina, pengkhususan subjek

Abstract: Historical Thinking Skills (HTS) is an important element in the learning of History Education that allows students to explore complex and abstract ideas with the guidance of the teacher. However, the question is, are primary school history teachers in the Johor Bahru district ready to apply HTS. This study aims to examine the level of teacher readiness from the aspects of knowledge, skills and attitudes in applying Historical Thinking Skills (HTS) based on subject specialization factors and teaching experience. This is a quantitative study in the form of a survey. The questionnaire was distributed to respondents online. A total of 105 respondents were selected through sampling consisting of teachers who teach history subjects in primary schools in the district of Johor Bahru. The results of descriptive analysis report that

primary school history teachers have a very high level of knowledge. Meanwhile, the skill level and the teacher's attitude are high in applying HTS. Overall, the findings of the study report that primary school history teachers in the Johor Bahru district have a high level of readiness in applying Historical Thinking Skills. Chi square analysis was used to study the relationship between the level of readiness based on subject specialization factor and the teacher's teaching experience. The findings of the inference analysis reported that the level of teacher readiness has a significant relationship in applying HTS based on subject specialization factor and teaching experience factor. Finally, the findings of this study can be used as a guide for History teachers especially in equipping themselves with a steady level of readiness in implementing HTS to students so that the objectives and goals of the History curriculum are achieved.

Keywords: Historical thinking, level of readiness, gender, subject specialization

1. Pengenalan

Sejarah adalah cabang ilmu yang berharga dan merangkumi fakta yang mencerminkan imej manusia dengan cara yang betul. Sejarah merupakan elemen yang berguna bukan sahaja untuk memahami masa lalu tetapi juga peristiwa yang berlaku pada hari ini dan mencari jawapannya mempersoalkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan untuk pendidikan dan persepsi diri (Mehmet, B., Yunus, E., & Onur, K., 2014). “*The more you know about the past, the better prepared you are for the future.*” merupakan ungkapan terkenal oleh Theodore Roosevelt (1858-1919). Sebagai langkah persetujuan dan memahami kepentingan pernyataan tersebut, semua negara di dunia mengajar Pendidikan Sejarah kepada murid-muridnya. Kebanyakan negara mengajar mata pelajaran Sejarah dengan mengekalkan nama Pendidikan Sejarah. Namun, terdapat juga negara yang mengajar Pendidikan Sejarah dalam subjek Pembelajaran Sosial (*Social Studies*). Sejak tahun 2014 sejarah diperkenalkan sebagai mata pelajaran teras di sekolah rendah di Malaysia (Kementerian Pendidikan, 2011). Hal ini kerana Pendidikan Sejarah dapat melahirkan generasi yang mempunyai patriotisme, nasionalisme dan kewarganegaraan (Ridzuan, Abdullah, Norazan dan Wan, 2021).

Malangnya, murid-murid sering melabelkan Pendidikan Sejarah sebagai mata pelajaran yang membosankan, statik, padat dan susah (Khairunnajwa, Mahzan & Anuar Ahmad, 2017). Murid juga mendakwa subjek sejarah gagal merangsang pemikiran seseorang (Ridzuan, et al., 2021). Punca utama pandangan negatif murid-murid adalah kerana kaedah pengajaran guru sejarah yang bersifat tradisional dan konservatif menyebabkan murid hilang minat terhadap Pendidikan Sejarah (Zunaida & Abdul Razaq, 2020). Sebenarnya, sejarah adalah berbeza dengan mata pelajaran lain (Sivachandralingam, 2008). Murid boleh mempelajari kandungan Sejarah tanpa strategi pengajaran yang sasarkan teknik hafalan semata-mata (Lydia Burnett, 2023). Permasalahan dan tanggapan negatif dalam kalangan murid terhadap Pendidikan Sejarah dapat diatasi melalui kaedah Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan dan seronok. Ini disebabkan PdPc Pendidikan Sejarah bukan hanya berfokus kepada penyampaian fakta semata-mata tetapi penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) juga diwajibkan dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah (Danci, 2021). Kemahiran Pemikiran Sejarah amat penting kerana ia berperanan sebagai “*a powerful tool for understanding history*” dan “*dominant skills in understanding history*” (Yeager & Foster, 2001).

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) ditakrifkan sebagai proses kognitif yang membolehkan murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Sejarah, 2011). Secara langsung penerapan KPS dapat

membantu guru menghidupkan suasana pembelajaran Sejarah yang sekaligus boleh meningkatkan minat murid. Ini membolehkan murid menjadi lebih kritis, kreatif dan inovatif. Namun, tahap kesediaan guru sekolah rendah dalam menerapkan KPS masih dipersoalkan. Terdapat kajian yang menimbulkan isu pelaksanaan KPS bagi mata pelajaran Sejarah, masih kurang diamalkan. Guru misalnya masih tidak begitu menekankan aspek membimbing pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran yang sememangnya terdapat dalam kemahiran pemikiran sejarah seperti mengumpul data, meneroka bukti, membuat tafsiran, membuat imaginasi, menganalisis, merumus dan membuat penilaian (Baharuddin, 2006). Penerapan KPS dalam kalangan murid akan menghadapi masalah sekiranya guru Sejarah kekurangan pengetahuan dan pengajaran tidak hanya bergantung kepada buku teks (Noria Munirah & Anuar, 2015). Kemahiran Pemikiran Sejarah bukanlah kemahiran yang diperoleh secara semulajadi oleh pelajar kerana ia bukan kemahiran generik. Maka, KPS harus dipelajari dan dikuasai oleh guru sebelum mereka dapat menyediakan pelajar ke arah penguasaannya (Wineburg, 2001). Sehubungan itu, kajian tinjauan ini bertujuan untuk meninjau kesediaan guru-guru Sejarah sekolah rendah di daerah Johor Bahru, Johor dalam mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid. Berdasarkan isu dan masalah di atas, maka satu kajian telah dijalankan untuk mencari jawapan bagi empat objektif kajian berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah.
- ii. Mengenal pasti tahap sikap guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah.
- iii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah.
- iv. Mengenal pasti hubungan tahap kesediaan guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah berdasarkan faktor pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar.

2. Tinjauan Literatur

Kemahiran Pemikiran Sejarah merangkumi enam elemen penting seperti memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat rasionalisasi, membuat imaginasi dan empati. KPS menggalakkan proses fikiran secara analitik, kritis dan kreatif dengan tujuan memahami sesuatu peristiwa masa lalu bagi mengaitkan dengan masa kini serta masa depan (Siti Hawa, 2007). Ia menjadi komponen kritikan dalam Pendidikan Sejarah dan objektif utama PdPc Pendidikan Sejarah yang memperlihatkan kesepaduan dengan pengetahuan dan nilai murni (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2011). KPS sesuai ditakrifkan sebagai proses kognitif yang perlu dikuasai oleh murid untuk meneroka idea dan fakta yang kompleks dan abstrak. Ini membolehkan murid dapat memahami suatu aspek kehidupan manusia silam sehingga hari ini secara kritis dan imaginatif (Rosy Talin, 2015). KPS juga merujuk kepada disiplin ilmu Sejarah. Kemahiran tersebut membolehkan murid memahami cara ahli sejarah kostruk semula sesuatu peristiwa lalu dengan menggunakan bahan bukti sejarah bagi menentukan kesignifikan sesuatu tarikh, tokoh, peristiwa, lokasi dan aktiviti manusia lepas (Wineburg, 1991).

Kesediaan membawa maksud perihal sedia, kerelaan dan kesanggupan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Berdasarkan konteks pendidikan kesediaan dijelaskan sebagai tanda persiapan guru dan murid untuk memulakan sesuatu aktiviti PdPc (Mok, 2008). Ia juga diberi definisi sebagai keyakinan dan kerelaan seseorang individu dalam menunjukkan sikap dan niat yang positif dalam sesebuah organisasi (Holt, Armenakis, Field & Harris, 2013). Berdasarkan kajian-kajian lepas isu kesediaan guru sering dipersoalkan apabila guru mengaplikasikan kemahiran dalam PdPC (Badrul & Mohd Nasaruddin, 2016). Hal ini kerana, kesediaan guru

memastikan kemahiran dapat dilaksanakan dengan berjaya (Daniel & Scott, 2017). Maka, guru perlu sentiasa memiliki tahap kesediaan yang tinggi bagi mengimplementasikan pelbagai kaedah dalam PdPc (Rowen, 2021). Kesediaan guru juga memainkan peranan penting dalam mempamerkan dan meningkatkan kualiti seorang guru. Kesediaan guru dapat dinilai berdasarkan elemen pengetahuan, sikap dan kemahiran yang dimilikinya. Kesediaan guru perlu diutamakan supaya sesuatu kemahiran dapat dilaksanakan dengan berjaya (Daniel & Scott, 2017). Beberapa kajian lepas di dalam negara dan luar negara dihasilkan bagi mengkaji kesediaan guru.

Aspek pengetahuan merupakan prasyarat kepada keberhasilan sesuatu pendekatan yang ingin dilaksanakan. Kesediaan guru berdasarkan aspek pengetahuan prosedural, pengetahuan pedagogi, pengetahuan alat bantu mengajar, pengetahuan pengurusan aktiviti pembelajaran dan sikap terhadap penerapan KPS menunjukkan tahap sederhana (Zahara Aziz & Nik Azleena, 2007). Selain itu, guru yang menghadiri kursus berkaitan pengajaran Sejarah mempunyai kesediaan pengetahuan yang lebih baik daripada mereka yang belum pernah menghidungnya. Maka, pentingnya guru-guru novis diberi peluang untuk menyertai kursus dan latihan bagi memahami KPS. Kajian lepas mencatatkan guru berpengkhususan sejarah lebih bersedia dari segi pengetahuan. Oleh itu, pendedahan yang lebih mendalam dan meluas tentang pelaksanaan serta penerapan KPS perlu dipertingkatkan dalam kalangan guru-guru sejarah tanpa mengira pengkhususan. Pengetahuan pedagogi merujuk kepada kaedah dan proses pengajaran, pengetahuan dalam pengurusan bilik darjah, penilaian, pembangunan rancangan pengajaran, dan pembelajaran pelajar (Zahara Aziz et al., 2007). Kemahiran pengetahuan pedagogi dapat membantu guru memberikan arahan yang berkesan juga. Berdasarkan persepsi murid, guru yang memiliki pengetahuan pedagogi yang lebih tinggi dapat menghasilkan pengajaran yang berkualiti tinggi. Kemahiran pedagogi yang tinggi akan menyebabkan pengaktifan kognitif yang efektif. Seterusnya, memastikan rentak pengajaran (*instructional pacing*) yang lebih baik serta menambah baik hubungan murid dengan guru. Lazimnya, guru yang mahir dalam pengetahuan pedagogi, lebih relevan dalam memahami pengajaran yang berkualiti dan berkesan terhadap hasil pembelajaran murid (Voss, T., Kunter, M., & Baumert, J., 2011).

Di samping itu, sikap guru merupakan salah satu elemen sendiri yang penting dalam memastikan keberhasilan pengetahuan dan kemahiran (Al-Munzir, 2020). Tahap kualiti seseorang pendidik bergantung kepada tahap motivasi pendidik itu sendiri. Begitu juga, guru yang bersikap proaktif untuk mengembangkan kemahiran dan professional mereka sendiri berupaya menunjukkan kemampuan bagi menguasai sesuatu kemahiran (Heggart & Yeo, 2018). Pengetahuan guru memilih pendekatan yang bersesuaian akan memudahkan pelajar dan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran (Nidzam, 2019). Selaras itu, sikap positif seseorang guru Sejarah dapat membantu dalam melaksanakan KPS dalam PdPc Pendidikan Sejarah (Suhaida dan Shahabuddin, 2022). Tanpa pemahaman dan aplikasi yang berkesan dalam ketiga-tiga aspek tersebut, kemahiran pemikiran sejarah menjadi sukar untuk dilaksanakan. Seterusnya, guru yang efektif tidak akan mengajar untuk menghafal fakta asas tetapi akan berfungsi sebagai fasilitator yang menjalankan PdPc bagi menyampaikan maklumat yang diperlukan oleh murid. Ini membolehkan murid memahami hubungan antara maklumat seterusnya serta membina pengetahuan sendiri (Babini, 2013). Terdapat beberapa kajian lepas yang menekankan Kemahiran Pemikiran Sejarah sebagai elemen utama dalam mempelajari Pendidikan Sejarah. Misalnya, guru yang mengajar murid menggunakan KPS membolehkan guru memainkan peranan sebagai fasilitator yang menggalakkan pembelajaran aktif dan bukan hanya pengedar maklumat rutin sahaja. Penerapan KPS perlu menjadi amalan yang lebih biasa dalam bilik darjah rendah. Mengajar murid KPS adalah penting dalam membentuk pengguna

maklumat yang kritikal dan membantu murid melihat keunikan masa lampau dan pelbagai perspektif manusia (Fillpot, 2012).

Guru berpengkhususan ataupun lebih dikenali sebagai guru beropsyen merupakan guru yang menuntut pengajian tinggi dalam bidang tertentu. Mereka telah dilatih dan menerima kelayakan ikhtisas dalam bidang tertentu. Manakala guru bukan opsyen adalah guru-guru yang bukan daripada aliran, bidang ataupun tiada pengkhususan langsung yang berkaitan dengan subjek yang diajar tetapi diberi tanggungjawab untuk mengajar subjek bukan bidang setelah mendapat penempatan di sekolah (Nurul Hamidzah & Isa 2023). Isunya timbul apabila kajian lepas mencatatkan guru berpengkhususan sejarah lebih bersedia dari segi pengetahuan (Zahara Aziz et al., 2007). Pernyataan ini disokong dalam kajian lain yang mendapati ramai guru novis dan guru bukan opsyen kurang mahir dalam menguasai kemahiran pedagogi yang efektif (Sivapakkiam, 2017). Antara punca isu tersebut adalah guru bukan beropsyen kurang diberi peluang untuk menyertai kursus yang dianjurkan oleh institusi pendidikan di seluruh negara. Lazimnya, peluang menyertai kursus lebih berfokus kepada guru beropsyen. Secara realitinya, guru bukan beropsyen tetapi ditetapkan untuk mengajar subjek di luar bidang memerlukan bimbingan dan pementoran. Pernyataan ini selaras dengan tujuan program latihan dalam perkhidmatan dianjurkan iaitu meningkatkan profesionalisme dengan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran baru dalam kalangan staf sekolah yang menekankan kesediaan, perancangan, latihan, pelaksanaan dan penilaian (Putnam, R. & Barko, H., 1997). Kajian lepas juga membuktikan bahawa guru yang kerap menghadiri kursus lumrahnya adalah biasa terhadap KPS berbanding dengan guru yang jarang menghadiri kursus kerana kursus adalah jambatan yang terbaik untuk menerapkan KPS dalam kalangan guru (Miles, 2010). Perkara ini tidak seharusnya dipandang remeh kerana seorang guru hendaklah mempunyai latar belakang pendidikan dan latihan dalam mata pelajaran yang mereka ajar di sekolah. Setiap guru perlu mengajar bidang yang mereka pakar untuk menyampaikan pengetahuan dalam bidang tersebut dengan sepenuhnya serta dapat mencapai matlamat dengan berkesan (Ingersoll, 2011).

Pengalaman mengajar ditentukan sebagai faktor penting dalam penerapan KPS kerana tempoh pengalaman mengajar guru sepanjang perkhidmatan mereka akan mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan (Lovorn, 2017). Hal ini kerana terdapat perbezaan antara guru yang baru tamat pengajian dan ditempatkan sebagai guru baru ataupun guru permulaan (*novice*) dengan guru yang telah lama berkhidmat. Pendapat tersebut selari dengan kajian lepas yang menjelaskan bahawa guru baharu masih kurang berpengalaman dengan situasi sekolah dan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berbanding dengan guru yang mengajar lebih daripada lima tahun yang mempunyai pengalaman yang luas dalam isu-isu dengan pengurusan kelas (Hattie, 2003). Ini bertentangan dengan kajian Lisa (2014) yang mendapati kesediaan antara guru permulaan dan guru berpengalaman berada di tahap yang sama. Manakala laporan kajian lain menyatakan guru novis dan guru berpengalaman menunjukkan tahap kesediaan yang berbeza dalam menerapkan KPS. Dapatan tersebut disokong oleh kajian Khairunnajwa et al. 2017 yang mendapati guru yang lebih berpengalaman dalam mata pelajaran Sejarah, mempunyai tahap kesediaan tinggi dalam menerapkan KPS. Terdapat juga kajian-kajian lepas yang mencatatkan faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dalam kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah di sekolah rendah (Muhamad Yazid Khalil, 2018). Abbas dan Niloofar (2012) dalam kajiannya menjelaskan tahap kesediaan guru tidak mempengaruhi motivasi guru untuk mengajar (Abbas & Niloofar, 2012).

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap dan persepsi suatu populasi daripada respons individu yang dijadikan sampel Creswell (2005). Kaedah tinjauan telah dipilih bagi melaksanakan kajian ini kerana ia sesuai dan lazim digunakan dalam penyelidikan pendidikan (Wiersma, 2000). Daerah Johor Bahru dipilih sebagai lokasi kajian ini kerana ia merupakan antara daerah yang mempunyai banyak sekolah iaitu 100 buah sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Jabatan Negeri Johor, 2019). Kumpulan sasaran kajian ini ialah guru yang mengajar Pendidikan Sejarah. Saiz sampel kajian ditetapkan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel kajian juga dipilih secara rawak mudah. Maka, seramai 105 orang guru terlibat dalam kajian ini.

Instrumen borang selidik telah digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data. Borang soal selidik kajian ini merangkumi empat bahagian iaitu Bahagian A (Latar Belakang Responden Kajian), Bahagian B (Tahap Pengetahuan Guru dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)), Bahagian C (Sikap Guru dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)) dan Bahagian D (Kemahiran Guru dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)). Bahagian A bertujuan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan latar belakang sampel seperti jantina, pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar. Bahagian B dapat menganalisa tahap pengetahuan guru Sejarah mengenai KPS. Bahagian ini merangkumi enam elemen seperti B1, B2, B3, B4, B5 dan B6 dan 20 item. Item-item ini dibina berdasarkan elemen-elemen KPS yang diterangkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Bahagian C pula, mengkaji sikap guru Sejarah dalam menerapkan elemen KPS. 15 item dalam bahagian ini diubahsuai daripada kajian Zahara et al., 2007. Item-item tersebut membantu pengkaji menilai tahap kesediaan guru berdasarkan Aziz sikap guru Sejarah. Manakala, 10 item Bahagian D mengukur tahap kemahiran guru Sejarah dalam menerapkan KPS. Bahagian B, C dan D mengumpul maklumat dengan menggunakan skala likert iaitu skala 1 hingga 5.

Inventori soalan perlu disemak dan diperiksa terlebih dahulu bagi memastikan tahap kesahan kajian yang dijalankan (Fathizaki, R., Anuar, A. & Norasmah, O, 2021). Bagi instrumen kajian ini, ketepatan dan kesahan kandungan item telah dirujuk kepada dua orang pakar yang merupakan pensyarah dan pakar kandungan bidang Sejarah. Manakala, nilai kesahan yang dinilai pakar perlu mempunyai kesahan lebih daripada 0.80 (Davis, 1992). Nilai kesahan yang diberi bagi instrumen adalah 0.82. Manakala, indeks kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik ini dinilai berpadukan nilai *Cronbach's Alpha* (α). Secara keseluruhannya, instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*) $\alpha = 0.966$ (sangat tinggi). Berdasarkan Jadual 1 klasifikasi indeks kepercayaan, jelas bahawa instrumen kajian ini sesuai digunakan bagi faktor yang ingin dikaji. Ini selaras dengan pandangan ahli pengkaji yang menyatakan bahawa nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik serta boleh digunakan (Sekaran, 1992).

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Sangat tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	<0.30

Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Proses menganalisis melibatkan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat demografi responden seperti jantina, pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar serta menghuraikan tahap kesediaan guru berdasarkan konstruk-construct seperti pengetahuan, sikap dan kemahiran. Dapatan data bagi persoalan 1 sehingga 3 dianalisis secara diskriptif dengan merujuk kepada kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala, analisis inferensi jenis ujian korelasi Spearman Chi Square digunakan bagi menentukan sama ada terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru berdasarkan faktor pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar.

Jadual 2: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat rendah (SR)
1.90-2.69	Rendah (R)
2.70-3.49	Sederhana (S)
3.50-4.29	Tinggi (T)
4.30-5.00	Sangat Tinggi (ST)

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menerangkan tahap kesediaan guru dalam konteks pengetahuan, sikap dan kemahiran guru sejarah dalam menerapkan KPS mengikut jantina, dan pengkhususan subjek. Dapatan ini melaporkan maklum balas yang diperoleh daripada 105 responden.

Latar belakang demografi

Dapatan latar belakang responden telah dicatatkan dalam Jadual 3. Dapatan demografi menunjukkan maklumat jantina responden guru lelaki adalah 38.1% (n=40) dan guru perempuan adalah 61.9% (n=65) telah menyertai kajian tinjauan ini. Ini memaklumkan bilangan responden perempuan adalah banyak berbanding guru lelaki. Seterusnya, dapatan mencatatkan bahawa guru beropsyen sejarah 82.9% (n=87) dan guru tidak berasal daripada aliran pendidikan sejarah 17.1% (n=18) telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Manakala, taburan responden berdasarkan pengalaman mengajar menunjukkan bahawa 34.3% (n=36) merupakan guru permulaan. Bagi guru yang berpengalaman pula, 31.4% (n=33) telah bekerja 6 sehingga 10 tahun, seramai 29.5% (n=31) guru telah bertugas selama 16 sehingga 20 tahun, terdapat 4.8% (n=5) guru pakar yang bekerja lebih daripada 21 tahun dan tiada guru terlibat bagi kategori pengalaman mengajar 11 sehingga 15 tahun.

Jadual 3: Latar belakang responden

Variabel	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	40	38.1
	Perempuan	65	61.9
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun	36	34.3
	6 - 10 tahun	33	31.4
	16 - 20 tahun	31	29.5
	21 tahun ke atas	5	4.8
Opsyen	Sejarah	87	82.9
	Bukan Sejarah	18	17.1

Persoalan kajian 1: Apakah tahap pengetahuan guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah?

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Jadual 4, nilai min bagi tahap pengetahuan guru dalam menerapkan KPS kepada murid sekolah rendah adalah pada tahap sangat tinggi dengan mencatat nilai min 4.37 dan sisihan piawai 0.521. Tahap pengetahuan guru dikaji berdasarkan semua elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan DSKP. Sebanyak 20 item disediakan untuk dijawab oleh responden dan semua elemen KPS dalam menguji pengetahuan guru mencatatkan nilai min yang tinggi. Perbezaan min antara elemen KPS juga kecil. Jadual 4 menjelaskan bahawa guru Sejarah di sekolah rendah mempunyai tahap pengetahuan yang sangat tinggi dalam memahami dan melaksanakan KPS dalam PdPc Pendidikan Sejarah. Dapatan ini menjelaskan bahawa guru sejarah di sekolah daerah Johor Bahru menyedari aspek pengetahuan merupakan prasyarat kepada keberhasilan sesuatu pendekatan yang ingin dilaksanakan misalnya KPS. Namun, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian lepas. Di mana tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan dicatatkan berada di tahap sederhana (Zahara Aziz et al., 2007).

Jadual 4: Tahap pengetahuan guru dalam menerapkan KPS.

Item	Pernyataan	STS n (%)	TS n (%)	TP n (%)	S n (%)	SS n (%)
B1.1	Saya mengetahui definisi KPS.	8 (7.6 %)	1 (1.0%)	1 (1.0%)	37 (35.2%)	58 (55.2%)
B1.2	Saya boleh menyenaraikan kesemua elemen KPS.	9 (8.6%)	0 (0%)	5 (4.8%)	23 (21.9%)	68 (64.8%)
B1.3	Saya faham objektif penerapan KPS.	1 (1.0%)	8 (7.6%)	13 (12.4%)	29 (27.6%)	54 (51.4%)
B1.4	Saya sedar kepentingan murid dan guru menguasai kesemua elemen KPS.	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	45 (42.9%)	57 (54.3%)
B1.5	Saya boleh mengenalpasti jenis aktiviti yang boleh dijalankan bagi menerapkan KPS.	1 (1.0%)	0 (0%)	4 (3.8%)	49 (46.7%)	51 (48.6%)
B1.6	Saya tahu peranan guru dalam menerapkan KPS.	0 (0%)	2 (1.9%)	2 (1.9%)	45 (42.9%)	56 (53.3%)
B2.1	Saya boleh membina garis masa sesuatu peristiwa daripada fakta-fakta sejarah.	0 (0%)	1 (1.0%)	4 (3.8%)	37 (35.2%)	63 (60.0%)
B2.2	Saya boleh menyatakan perkaitan antara peristiwa masa lepas dan kini.	1 (1.0%)	0 (0%)	1 (1.0%)	42 (40.0%)	61 (58.1%)
B2.3	Saya boleh menerangkan perubahan dan kesinambungan dalam urutan masa.	0 (0%)	1 (1.0%)	3 (2.9%)	61 (58.1%)	40 (38.1%)
B3.1	Saya boleh membuat perbandingan antara sumber-sumber sejarah bagi mengesahkan kebenaran sesuatu fakta.	0 (0%)	2 (1.9%)	14 (13.3%)	58 (55.2%)	31 (29.5%)
B3.2	Saya boleh menjana idea kemungkinan sebab-sebab berlaku sesuatu peristiwa.	1 (1.0%)	0 (0%)	5 (4.8%)	51 (48.6%)	48 (45.7%)
B3.3	Saya boleh membuat inferens terhadap sesuatu fakta sejarah berdasarkan kefahaman yang logik.	0 (0%)	2 (1.9%)	5 (4.8%)	64 (61.0%)	34 (32.4%)
B4.1	Saya boleh menganalisis sesuatu topik sejarah berdasarkan pelbagai sumber sejarah.	1 (1.0%)	2 (1.9%)	13 (12.4%)	39 (37.1%)	50 (47.6%)
B4.2	Saya boleh membezakan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah.	0 (0%)	2 (1.9%)	20 (19.0%)	64 (61.0%)	19 (18.1%)
B4.3	Saya boleh membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara dari segi kebaikan dan keburukan berdasarkan bukti yang sah.	0 (0%)	2 (1.9%)	14 (13.3%)	56 (53.3%)	33 (31.4%)
B4.4	Saya boleh membuat kesimpulan atau pernyataan tentang hasil sesuatu kajian	0	1	7	65	32

	berdasarkan bukti daripada sumber sejarah.	(0%)	(1.0%)	(6.7%)	(61.9%)	(30.5%)
B5.1	Saya boleh membayangkan dalam minda sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku.	0 (0%)	0 (0%)	4 (3.8%)	29 (27.6%)	72 (68.6%)
B5.2	Saya boleh melakarkan peta i-Think daripada fakta-fakta sejarah.	0 (0%)	0 (0%)	4 (3.8%)	15 (14.3%)	86 (81.9%)
B6.1	Saya boleh menyatakan rasional berlakunya sesuatu peristiwa sejarah.	0 (0%)	1 (1.0%)	1 (1.0%)	48 (45.7%)	55 (52.4%)
B6.2	Saya boleh mewujudkan persoalan-persoalan daripada peristiwa sejarah yang berlaku.	1 (1.0%)	0 (0%)	2 (1.9%)	35 (33.3%)	67 (63.8%)
Purata Min = 4.3762		Purata Sisihan Piawai = 0.52188		Tahap = Sangat Tinggi		

Persoalan kajian 2: Apakah tahap sikap guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah?

Jadual 5 menunjukkan tahap sikap dalam menerapkan KPS di sekolah rendah adalah pada tahap tinggi. Kebanyakan guru aliran sejarah dan bukan berasal daripada aliran sejarah juga sama-sama menunjukkan kesediaan mereka untuk menerima ilmu tentang KPS dengan mengikuti kursus. Ini mencerminkan tahap sikap yang tinggi dalam menerapkan KPS. Berdasarkan data yang dikumpul daripada responden, nilai min bagi tahap sikap guru dalam menerapkan KPS adalah pada tahap tinggi. Keseluruhan item bagi menguji tahap sikap guru mencatatkan nilai min yang tinggi. Perbezaan min antara elemen KPS juga tidak terlalu berbeza. Ini menjelaskan bahawa guru Sejarah di sekolah rendah bersedia dan memiliki sikap yang tinggi dalam melaksanakan KPS. Dapatan data menunjukkan skor min bagi sikap guru berada pada tahap tinggi. Ini bertentangan dengan laporan kajian lepas yang mencatatkan sikap terhadap penerapan KPS menunjukkan tahap sederhana (Zahara Aziz et al., 2007). Ini menjelaskan bahawa guru-guru sejarah telah berusaha dalam meneliti sikap dirinya supaya lebih proaktif dan berani untuk mencuba dan mengaplikasi beberapa kemahiran dalam PdPc Pendidikan Sejarah termasuk KPS. Ini selaras dengan, kajian lepas yang melaporkan bahawa guru yang bersikap proaktif untuk mengembangkan kemahiran dan professional mereka sendiri berupaya menunjukkan kemampuan bagi menguasai sesuatu kemahiran (Heggart & Yeo, 2018). Catatan sikap guru yang tinggi juga sama seperti kajian lepas yang menyatakan sikap positif sesesorang guru Sejarah dapat membantu dalam melaksanakan KPS dalam PdPc Pendidikan Sejarah (Suhaida dan Shahabuddin, 2022).

Jadual 5: Tahap sikap guru dalam menerapkan KPS.

Item	Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS
		No.	No.	No.	No.	No.
C1	Saya sangat berminat membuat kajian terhadap sesuatu peristiwa sejarah daripada positif pelbagai sumber sebagai persediaan pengajaran	0 (0%)	1 (1.0%)	23 (21.9%)	38 (36.2%)	43 (41.0%)
C2	Saya tidak galakkan soalan-soalan terbuka dikemukakan oleh pelajar dalam pengajaran sejarah	82 (78.1%)	6 (5.7%)	3 (2.9%)	8 (7.6%)	6 (5.7%)
C3	Saya galakkan pelajar mengumpul bahan-bahan sejarah dari sumber pertama atau kedua bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	56 (53.3%)	46 (43.8%)
C4	Saya cekap menguruskan masa pengajaran semasa menerapkan KPS dalam Pendidikan Sejarah.	0 (0%)	3 (2.9%)	4 (8%)	33 (31.4%)	65 (61.9%)
C5	Saya membaca buku atau jurnal yang berkaitan KPS bagi meningkatkan ilmu.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	4 (3.8%)	59 (56.2%)	40 (38.1%)
C6	Saya membantu pelajar membuat imaginasi terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	26 (24.8%)	76 (72.4%)
C7	Pengajaran Sejarah yang efektif ialah apabila pelajar boleh memahami dan membuat inferens di sebalik peristiwa yang berlaku	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	37 (35.2%)	65 (61.9%)

C8	Penerapan KPS meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	45 (42.9%)	57 (54.3%)
C9	Penerapan KPS menjadikan pembelajaran pelajar lebih terkait, relevan dan mudah	0 (0%)	0 (0%)	4 (3.8%)	61 (58.1%)	40 (38.1%)
C10	Saya yakin penerapan KPS mampu menarik minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	55 (52.4%)	47 (44.8%)
C11	Saya percaya penerapan KPS dapat meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran pelajar.	0 (0%)	1 (1.0%)	2 (1.9%)	39 (37.1%)	63 (60.0%)
C12	Saya sentiasa membuat inovasi dalam usaha menerapkan KPS	1 (.0%)	9 (8.6%)	16 (115.2%)	44 (41.9%)	35 (33.3%)
C13	Saya berpendapat penerapan KPS hanya menambah beban guru.	61 (58.1%)	10 (9.5%)	7 (6.7%)	22 (21.0%)	5 (4.8%)
C14	Saya sentiasa berbincang dengan guru Sejarah lain bagi mengatasi kelemahan dalam penerapan KPS.	1 (1.0%)	0 (0%)	5 (4.8%)	39 (37.1%)	60 (57.1%)
C15	Saya sedia mengikuti kursus yang boleh menambah kemahiran saya berkaitan KPS.	1 (1.0%)	0 (0%)	3 (2.9%)	33 (31.4%)	68 (64.8%)
Purata Min = 4.0775		Purata Sisihan Piawai = 0.36761			Tahap = Tinggi	

Persoalan kajian 3: Apakah tahap kemahiran guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah?

Jadual 6 menunjukkan dapatan untuk persoalan ketiga. Berdasarkan data yang diperoleh daripada 105 orang guru, nilai min bagi tahap kemahiran guru dalam menerapkan KPS adalah pada tahap tinggi. Sebanyak 10 item telah ditetapkan dalam bahagian D borang soal selidik. Item-item tahap kemahiran guru telah diubahsuai daripada kajian lepas (Zahara Aziz et al., 2007). Keseluruhan item bagi menguji tahap kemahiran guru mencatatkan nilai min yang lebih daripada 4.00. Dapatan data menunjukkan skor min bagi kemahiran guru berada pada tahap tinggi. Perbezaan min antara 10 item juga minima. D3 merupakan item yang paling dipersetujui oleh guru. Guru-guru sejarah mahir memilih aktiviti yang sesuai bagi menerapkan KPS dalam setiap topik mata pelajaran Sejarah. Ini menghuraikan bahawa guru Sejarah di sekolah rendah mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan KPS dalam PdPc Pendidikan Sejarah. Pemilihan kaedah yang sesuai untuk menjalankan PdPc membuktikan penguasaan kemahiran dan juga kualiti seorang guru. Lazimnya, guru yang mahir dalam pengetahuan pedagogi, lebih relevan dalam memahami pengajaran yang berkualiti dan berkesan terhadap hasil pembelajaran murid (Voss, T. et al., 2011).

Jadual 6: Tahap kemahiran guru dalam menerapkan KPS.

Item	Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS
		No.	No.	No.	No.	No.
D1	Saya mahir menerapkan KPS dalam mata pelajaran Sejarah.	0 (0%)	3 (2.9%)	14 (13.3%)	50 (47.6%)	38 (36.2%)
D2	Saya mahir memilih strategi PdPc yang sesuai bagi menerapkan KPS dalam Pendidikan Sejarah.	0 (0%)	2 (1.9%)	13 (12.4%)	52 (49.5%)	38 (36.2%)
D3	Saya mahir memilih aktiviti yang sesuai bagi menerapkan KPS dalam setiap topik mata pelajaran Sejarah.	0 (0%)	1 (1.0%)	5 (4.8%)	64 (61.0%)	35 (33.3%)
D4	Saya mahir menerapkan KPS mengikut aktiviti pengajaran yang dipilih.	0 (0%)	1 (1.0%)	4 (3.8%)	63 (60.0%)	37 (35.2%)
D5	Saya mahir menilai murid berdasarkan elemen-elemen KPS	0 (0%)	2 (1.9%)	19 (18.1%)	46 (43.8%)	38 (36.2%)
D6	Saya sentiasa kreatif dalam menerapkan KPS.	0 (0%)	1 (1.0%)	29 (27.6%)	38 (36.2%)	37 (35.2%)
D7	Saya dapat menghidupkan suasana pembelajaran Sejarah dengan menerapkan KPS	1 (1.0%)	0 (0%)	4 (3.8%)	48 (45.7%)	52 (49.5%)

D8	Saya mahir menerapkan KPS bagi meningkatkan minat murid.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	3 (2.9%)	61 (58.1%)	39 (37.1%)
D9	Saya mahir menerapkan KPS bagi melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	4 (3.8%)	60 (57.1%)	39 (37.1%)
D10	Saya mahir menerapkan KPS efektif dalam melatih pelajar berempati.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	5 (4.8%)	62 (59.0%)	36 (34.3%)
Purata Min = 4.2390		Purata Sisihan Piawai = 0.64084			Tahap = Tinggi	

Persoalan kajian 4: Adakah terdapat hubungan antara kesediaan guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di sekolah rendah dengan faktor pengkhususan subjek dan pengalaman mengajar guru?

Bahagian ini mengkaji perhubungan tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran guru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah berdasarkan faktor opsyen dan pengalaman mengajar responden kajian. Ujian Pearson Chi Square telah digunakan untuk membuat analisis inferensi.

H01 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru sekolah rendah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengkhususan subjek.

Jadual 7 menunjukkan hubungan antara pengetahuan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah berdasarkan opsyen guru. Berdasarkan output tersebut telah dinyatakan bahawa nilai P (2-sided) daripada Pearson Chi Square adalah 0.000 lebih kecil ($0.000 < 0.05$). Maka, hipotesis berjaya ditolak dan dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah berdasarkan opsyen. Hal ini kerana, dalam kajian ini terdapat dua kategori guru yang menjadi responden kajian iaitu guru sejarah yang berasal daripada aliran Sejarah dan sebaliknya. Dapatan kajian ini menyokong laporan yang sama seperti kajian lepas yang menyatakan pengkhususan sejarah guru mempengaruhi tahap pengetahuan guru. (Zahara Aziz et al., 2007). Hal ini penting kerana pengetahuan guru memilih pendekatan yang bersesuaian akan memudahkan pelajar dan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran (Nidzam, 2019).

Jadual 7: Analisis Pearson Chi Square tahap pengetahuan guru dalam menerapkan KPS berdasarkan opsyen

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	25.495 ^a	2	.000
Likelihood Ratio	19.213	2	.000
Linear-by-Linear Association	11.800	1	.001
N of Valid Cases	105		

a. 4 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .17.

H02 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap guru sekolah rendah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengkhususan subjek.

Jadual 8, dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah mengikut opsyen guru. Hal ini kerana, nilai p yang diperoleh adalah 0.000 lebih kecil ($0.000 < 0.05$). Maka, hipotesis berjaya ditolak. Dapatan ini menjelaskan bahawa opsyen guru mempengaruhi sikap guru dalam menerapkan KPS. Ini selaras dengan kajian lepas yang

merekodkan bahawa tahap kualiti seseorang pendidik bergantung kepada tahap motivasi pendidik itu sendiri. Guru yang bersikap proaktif akan berusaha secara berterusan untuk mengembangkan kemahiran dan professional mereka sendiri serta berupaya menunjukkan kemampuan bagi menguasai sesuatu kemahiran (Heggart & Yeo, 2018). Maka jelaslah bahawa sikap guru sejarah mempengaruhi penerapan KPS oleh guru sejarah di sekolah rendah di kawasan Johor Bahru.

Jadual 8: Analisis Pearson Chi Square tahap sikap guru dalam KPS berdasarkan Opsyen

	Value	df	Asymptotic Significance (2sided)	Exact Sig. (2-sided)	Exact Sig. (1-sided)
Pearson Chi-Square	16.997 ^a	1	.000		
Continuity Correction ^b	13.398	1	.000		
Likelihood Ratio	12.413	1	.000		
Fisher's Exact Test				.001	.001
Linear-by-Linear Association	16.835	1	.000		
N of Valid Cases	105				

a. 1 cells (25.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 1.54.

b. Computed only for a 2x2 table

H03 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran guru sekolah rendah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengkhususan subjek

Mengikut Jadual 9, nilai p (2-sided) adalah 0.000, lebih kecil ($0.000 < 0.05$). Maka, hipotesis berjaya ditolak. Jelaslah bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah mengikut opsyen guru. Catatan dapatan kajian lepas mendapati ramai guru bukan opsyen kurang mahir dalam menguasai kemahiran pedagogi yang efektif (Sivapakkiam, 2017). Ini menjelaskan bahawa guru berpengkhususan sejarah lebih menguasai kemahiran termasuklah Kemahiran Pemikiran Sejarah berbanding dengan guru bukan berpengkhususan sejarah. Oleh itu, kajian ini dapat memeperkukuhkan dapatan kajian lepas dengan membuktikan pengkhususan subjek guru mempengaruhi tahap kemahiran guru dalam menerapkan KPS.

Jadual 9: Analisis Pearson Chi Square kemahiran guru dalam menerapkan KPS berdasarkan Opsyen

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	16.466 ^a	2	.000
Likelihood Ratio	11.719	2	.003
Linear-by-Linear Association	11.328	1	.001
N of Valid Cases	105		

a. 4 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .34.

H04 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru sekolah rendah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

Mengikut Jadual 10, nilai p (2-sided) adalah 0.001 lebih kecil ($0.001 < 0.05$). Maka, hipotesis berjaya ditolak dan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah mengikut pengalaman mengajar yang dimiliki oleh guru. Dapatan kajian lepas menyatakan

faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dalam kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan guru sejarah di sekolah rendah (Muhamad Yazid, 2018). Namun hasil dapatan kajian ini bertentangan dengan laporan kajian lepas dengan membuktikan bahawa pengalaman mengajar guru mempengaruhi tahap pengetahuan guru dalam menerapkan KPS.

Jadual 10: Analisis Pearson Chi Square tahap pengetahuan guru dalam menerapkan KPS berdasarkan pengalaman mengajar

	<i>Value</i>	<i>df</i>	<i>Asymptotic Significance (2-sided)</i>
Pearson Chi-Square	23.038 ^a	6	.001
Likelihood Ratio	10.658	6	.100
Linear-by-Linear Association	.062	1	.803
N of Valid Cases	105		

a. 9 cells (75.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .05.

H05 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap guru sekolah rendah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

Jadual 11, nilai p (2-sided) adalah 0.023 lebih kecil ($0.023 < 0.05$). Maka hipotesis berjaya ditolak. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah mengikut pengalaman mengajar guru. Ini membuktikan pengalaman mengajar guru mempengaruhi tahap sikap guru. Dapatan ini bertentangan dengan kajian lepas yang melaporkan pengalaman mengajar guru tidak mempengaruhi motivasi guru untuk mengajar (Abbas & Niloofar, 2012). Walaupun kajian lepas mencatatkan bahawa sikap guru tidak memberi kesan dalam menerapkan KPS. Namun, hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian lepas yang mencatatkan sikap positif guru sejarah membantu guru sejarah dalam melaksanakan KPS dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah (Suhaida & Shahabuddin, 2022).

Jadual 11: Analisis Pearson Chi Square sikap guru dalam menerapkan KPS berdasarkan pengalaman mengajar

	<i>Value</i>	<i>df</i>	<i>Asymptotic Significance (2-sided)</i>
Pearson Chi-Square	9.516 ^a	3	.023
Likelihood Ratio	9.475	3	.024
Linear-by-Linear Association	.027	1	.870
N of Valid Cases	105		

a. 5 cells (62.5%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .43.

H06 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran guru sekolah rendah dengan penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) berdasarkan faktor pengalaman mengajar.

Mengikut Jadual 12, nilai p (2-sided) adalah 0.014, lebih kecil ($0.001 < 0.05$). Maka, hipotesis berjaya ditolak dan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Bahru dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah mengikut pengalaman mengajar guru. Berdasarkan jumlah responden kajian, pengalaman mengajar yang dimiliki oleh guru sejarah di sekolah rendah di kawasan Johor Bahru berbeza iaitu 1-5 tahun, 6-10 tahun, 16-20 tahun dan lebih dari 20 tahun. Tahap kemahiran guru dalam menerapkan KPS juga berbeza berdasarkan pengalaman mengajar guru. Dapatan kajian ini melaporkan hasil

yang sama seperti kajian lepas yang juga membuktikan pengalaman mengajar mempengaruhi tahap kemahiran guru sejarah dalam KPS (Khairunnajwa et al., 2017).

Jadual 12: Analisis Pearson Chi Square kemahiran guru dalam menerapkan KPS berdasarkan pengalaman mengajar

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	15.932 ^a	6	.014
Likelihood Ratio	11.794	6	.067
Linear-by-Linear Association	.648	1	.421
N of Valid Cases	105		

a. 9 cells (75.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .10.

5. Kesimpulan dan Implikasi

Kesimpulannya, semua persoalan kajian telahpun dijawab. Dapatan dan perbincangan kajian juga membuktikan guru-guru sejarah di sekolah rendah di daerah Johor Bahru menguasai pengetahuan menerapkan KPS pada tahap yang sangat tinggi. Tahap sikap dan kemahiran guru juga berada pada tahap yang tinggi. Sebenarnya, ketiga-tiga konstruk pengetahuan, sikap dan kemahiran saling berkait rapat. Misalnya, sikap guru merupakan salah satu elemen sendiri yang penting dalam memastikan keberhasilan pengetahuan dan kemahiran (Al-Munzir, 2020). Manakala, perbandingan antara tahap kesediaan dengan opsyen dan pengalaman mengajar juga berjaya dikaji. Hasilnya, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan, tahap sikap serta tahap kemahiran dengan opsyen guru. Terbukti juga wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan, tahap sikap serta tahap kemahiran guru dengan pengalaman mengajar guru dalam menerapkan KPS.

Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat membantu pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengenalpasti realiti pelaksanaan KPS dalam sekolah rendah di daerah Johor Bahru. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan PPD dapat menganjurkan lebih banyak bengkel, seminar dan kursus mengenai penerapan KPS kepada para guru sejarah yang bukan beropsyen. Ini dapat membantu guru baru dan guru yang kurang mahir dalam KPS untuk meningkatkan serta menguasai pengetahuan dan kemahiran. Kajian ini hanya berfokus kepada lokasi di daerah Johor Bahru. Maka, cadangan kajian lanjutan adalah kajian boleh dilaksanakan ke semua daerah di negeri Johor. Cadangan ini bertujuan agar mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran guru-guru sejarah terhadap KPS di seluruh negeri Johor. Seterusnya kajian masa depan boleh mengkaji perhubungan tahap kesediaan guru dalam menerapkan KPS berdasarkan faktor jantina guru. Akhirnya, bilangan responden juga dicadangkan untuk dipertingkatkan supaya boleh mengenalpasti tahap kesediaan guru sejarah yang lebih ramai terhadap penerapan KPS. Penambahan bilangan responden juga dapat memastikan hasil kajian menjadi lebih tekal. Akhir kata, diharapkan bahawa hasil kajian ini dapat membuka mata warga pendidik untuk memahami kepentingan dan kebaikan penerapan KPS dalam PdPc Pendidikan Sejarah.

Rujukan

Abbas, A.Z., & Nilofar, A.S. (2012). Experienced teacher and novies Iranian teacher's perceptions as to the effect of instrinsic factors on teachers' efficacy. *Basic Research Journal of Education Research and Review*, 1, 4-14.

- Badrul Hisham Alang Osman, & Mohd Nasruddin Basar. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 1–23.
- Baharuddin Jabar. (2006). *Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative*. NJ: Prentice Hall Upper Saddle River.
- Dancy. (2021). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Nota Sejarah Semasa Tempoh Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)*. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/356458412_MENINGKATKAN_KEMAHIRAN_MENULIS_NOTA_SEJARAH_SEMASA_TEMPOH_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_DI_RUMAH_PdPR
- Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad, Norasmah Othman. (2021). Kompetensi Guru dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 194 – 205.
- Heggart & Yeo. (2018). Getting the Most from Google Classroom: A Pedagogical Framework for Tertiary Educators. *Australian Journal of Teacher Education*, 43(3), 140-153.
- Ingersoll, R., & Smith, T. (2004). The impact of induction and mentoring on beginning teacher turnover in high and low poverty schools, 81(2), 1-62.
- Kamaruzaman, (2009). Laporan kajian penilaian graduan NPQH. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairunnajwa, Mahzan Awang & Anuar Ahmad (2017). History Teacher Readiness in Applying Historical Thinking Skills in ‘Secondary School. Yupa: *Historical Studies Journal*, 1(2), 113-122.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Sejarah Tahun Lima. (2011). Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lisa Yip Shukye. (2014). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan Murid-murid. *Jurnal Pendidikan Kent*, 13, 37-49.
- Lydia Burnett. (2023). Using Historical Thinking Strategies for Improving Elementary Students’ Content Knowledge and Attitudes Towards Social Studies, 20(2), 27-96.
- Mehmet Bakanlar, Yunus Emre & Onur Köksal. (2014). Analyzing The History Teaching Perception of Secondary Education Students. *Journal of International Scientific Publications*. 12, 904-914.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub & Ahmad Ali Seman. (2016). Historical Thinking Skills among Pre-Service Teachers in Indonesia and Malaysia. *Creative Education*, 7, 62-76.
- Mok, S. S. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd
- Muhammad Nidzam Yaakob (2019). Analisis Keperluan Terhadap Komponen Model Myflipped. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 359-372.
- Muhamad Yazid Khalil. (2018). Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah Dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah. Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition, 1- 12.

- Nik Azleena Nik Ismail & Zahara Aziz. (2007). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para murid. *Jurnal Pendidikan*, 32, 119-137.
- Noria Munirah dan Anuar Ahmad (2015). *Kemahiran berfikir sejarah (KPS) dalam kalangan bakal guru institut pengajian tinggi awam (IPTA)*. Dimuat turun daripada pada https://www.academia.edu/16516299/KEMAHIRAN_PEMIKIRAN_SEJARAH_KPS_DALAM_KALANGAN_BAKAL_GURU_DI_INSTITUT_PENGAJIAN_TINGGI_AWAM_IPTA
- Nurhijrah, Hamid, Mazuki, Mansor, Anisah dan Hasnul. (2021). Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih. *International Journal of Education and Training*, 7, 1-8.
- Nurul Hamidzah & Mohd. Isa. (2023). Tahap Kesediaan Guru Bukan Pengkhususan Bahasa Arab dalam P&P Subjek Bahasa Arab di Sekolah Rendah Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(3), 109-120.
- Putnam, R. and H. Borko. (1997). Teacher learning: implications of new views of cognition. In B. J. Biddle, T.L. Good, and I.F. Goodson (Eds.) *The International Handbook of Teachers and Teaching*, 1223-1296.
- Ridzuan Idris, Abdullah Deraman, Norazan Mat Nor & Adi Yusoff. (2021). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Guru Sejarah: Isu dan Cabaran*. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/349822305_KEMAHIRAN_PEMIKIRAN_SEJARAH_DALAM_KALANGAN_GURU_SEJARAH_ISU_DAN_CABARAN
- Sekaran, U. (1992), *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach, 2nd Edition*, New York: John Willeys & Sons.
- Sivapakkiam. (2017). *Kesediaan dan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Cemerlang Sejarah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hawa Abdullah. (2007). Empati Sejarah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan*, 22, 61-74.
- Talin, R. (2015). Historical Thinking Skills – The Forgotten Skills? *International Journal of Learning and Teaching*. 7(1), 15-23.
- Voss, T., Kunter, M., & Baumert, J. (2010). Transmissive and constructivist beliefs of pre-service and in-service teachers. Manuscript submitted for publication.
- Wiersma, W. (2000). *Research in education: An introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wineburg, S. (2001). *Pemikiran Sejarah dan Perbuatan Luar Biasa Lain: Merangka Masa Depan Mengajar Masa Lalu (Perspektif Kritis Mengenai Masa Lalu)*. Philadelphia: Temple University Press.
- Yeager, E.A. & Foster, S.J. (2001). Why people in the past acted the way they did: An exploratory subject in historical empathy. *Journal of Social Education*, 13(2001), 8-24.
- Zamri Mahamood. (2019). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zunaida & Abdul Razaq. (2020). *Pengetahuan dan Kefahaman Sejarah Rakyat Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.